

# Lesen Hak Jualan Ebook Kuasa Forum

Tahniah kerana berminat untuk menjadi *reseller* bagi ebook Kuasa Forum. Berikut adalah beberapa peraturan yang mesti dipatuhi agar produk ini dijual dengan sebaik mungkin dan bersaing secara sihat di antara para reseller.

## **Perkara yang TIDAK BOLEH dilakukan oleh anda sebagai reseller:**

**TIDAK BOLEH** menjual ebook ini di bawah harga RM45.00. Harga yang perlu anda jual adalah **RM45.00** atau **lebih daripada itu**. **JANGAN** letak harga di bawah nilai tersebut. Penetapan harga sebegini agar para reseller dapat bersaing dengan baik. Jika anda ingin berikan kupon diskaun, pastikan harga terakhir selepas ditolak dengan diskaun adalah harga RM45.00 atau lebih. Jadi anda perlu letak harga lebih tinggi sedikit seperti RM55.00.

**TIDAK BOLEH** dijadikan sebagai bonus atau diberi secara percuma. Jika anda ingin jadikan ebook ini sebagai bonus untuk produk anda, sila rujuk pada bahagian perkara yang **BOLEH DILAKUKAN** di bawah.

**TIDAK BOLEH** diberikan atau diedar secara percuma. Mesti dijual.

**TIDAK BOLEH** digabungkan / dipakejkan dengan produk lain (bundle). Ebook ini **MESTI** dijual secara bersendirian tanpa dimasukkan ke dalam mana-mana pakej produk yang lain. Namun ada pelepasan jika anda mahu jual secara bundle. Sila rujuk pada bahagian **BOLEH** di bawah.

**TIDAK BOLEH** mengubah mana-mana bahagian ebook atau membuang mana-mana item yang ada di dalam pakej ini. Apa yang ada dalam pakej ebook ini, semuanya perlu dijual kembali tanpa mengurangi satu item pun. Anda boleh menambah apa-apa bonus atau ebook lain jika perlu sebagai tambahan.

**TIDAK BOLEH** menjual secara berasingan bagi item-item yang ada dalam pakej ini. Ia perlu dijual dalam satu pakej seperti mana yang anda dapat.

**TIDAK BOLEH dilelong** di ebay atau laman web lelongan lain di internet. Namun anda boleh menjualnya di sana dengan syarat **harga mestilah bermula daripada RM45.00** seperti yang dinyatakan.

**TIDAK BOLEH** menjual dalam bentuk cetakan (**sama-sekali tidak boleh**).

**TIDAK BOLEH** memberikan hak jualan ini kepada pembeli anda. Anda **HANYA** boleh menjual ebook Kuasa Forum dan **BUKAN** menjual bersama lesen ini. Pembeli anda hanya sebagai pengguna (pembaca) sahaja.

**TIDAK BOLEH** dijadikan sebagai bonus untuk mana-mana program affiliate atau sebagai hadiah. Anda hanya boleh jadikan ebook Kuasa Forum sebagai bonus untuk produk anda sendiri sahaja. Sila baca bahagian bawah berikut mengenai bonus.

## **Perkara yang BOLEH anda lakukan :**

**BOLEH** menambah item anda sendiri seperti apa-apa bonus untuk ebook ini agar jualan anda lebih unik berbanding reseller yang lain. Tetapi pastikan item tambahan anda itu berkualiti dan bukan produk lapuk. Anda perlu memberikan sesuatu yang bermanfaat kepada pelanggan anda. Kualiti mesti diutamakan.

**BOLEH** membuat laman web jualan (termasuk ecover) anda sendiri dan di dalam laman web anda **mesti** diletakkan nama penulis (Mohd Zulfadli) bersama dengan nama anda. Penerangan di laman web anda itu mestilah jelas dan memberikan kefahaman yang betul mengenai ebook yang anda jual ini.

**BOLEH** membuat surat jualan (sales letter) sendiri dengan syarat menerangkan secara benar dan betul mengenai ebook Kuasa Forum.

**BOLEH** menggunakan program affiliate untuk promosikan ebook ini.

**BOLEH** menjual dalam bentuk CD dengan syarat mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti di atas.

**BOLEH** digabungkan dengan produk-produk yang lain dengan syarat harga produk anda itu bersamaan RM70.00 atau lebih.

**BOLEH** dijadikan sebagai bonus kepada mana-mana produk anda dengan syarat harga produk anda itu bersamaan dengan RM70.00 atau lebih.

**BOLEH** dijadikan sebagai bonus untuk seminar atau bengkel anda sendiri dengan syarat program anda itu berharga RM250 atau lebih.

Jika anda keliru samada sesuatu perkara itu BOLEH atau TIDAK BOLEH dilakukan, sila hubungi kami terlebih dahulu.

### **Link Download**

Link download pakej ebook ini untuk pembeli anda perlu menggunakan **server anda sendiri**. Anda perlu upload file pakej ebook ini ke hosting anda dan **bukan menggunakan link download kami**.

Untuk makluman, kami akan sentiasa mengubah link URL download kami dari semasa ke semasa. Jadi jika anda menggunakan link download kami, ia mungkin sudah tidak boleh diguna-pakai lagi.

### **Perubahan & Penambahan Syarat**

Syarat-syarat yang dinyatakan di atas boleh berubah pada bila-bila masa sahaja dan kami berhak menambah apa sahaja peraturan untuk kebaikan semua.

Jika anda ragu dan keliru dalam sesuatu perkara, langkah terbaik adalah **bertanya kepada kami dahulu** sebelum bertindak melakukan apa-apa.

Semoga semua syarat di atas dipatuhi dengan sebaiknya agar semua pihak mendapat manfaat.

## BERMINAT UNTUK JADI RESELLER?

Tawaran hak jualan ini hanya dibuka kepada **50 orang sahaja**. Semasa saya menulis di baris ini, sudah ada beberapa orang yang menempah dan membuat bayaran. Kebanyakan pembeli produk saya amat yakin dengan kualiti ebook atau produk-produk yang kami keluarkan.

Comment by rizal | Edit This

2009-05-04 07:24:33

Ya, saya dah terima link yang berkaitan. dah baca dah preview; dan saya mahu mendapatkan versi RR tanpa ragu2, dah hantar permohonan kot email dah, harap diterima ya 😊

Saya tidak dapat berikan jaminan bilakah peluang ini akan tamat. Sebaik sahaja cukup 100 orang reseller, **peluang ini akan ditutup** sehinggalah ke satu masa nanti (satu tahun, dua tahun atau lebih..). Atau mungkin tidak akan dibuka lagi. Lebih kurang beberapa ratus orang menunggu peluang ini dan saya akan hubungi mereka melalui emel. Jadi, anda cepatlah bertindak.

**Harga Resell Rights Ebook Kuasa Forum: RM85.00**

Cepat, peluang ini amat terhad dan akan kehabisan pada bila-bila masa sahaja! Klik link berikut untuk melakukan bayaran:

<http://www.kuasaforum.com/resell-rights.html>